



**KENYATAAN MEDIA**  
**JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA**  
**28 JAMADIL AKHIR 1439H/ 16 MAC 2018**

---

**DALANG SINDIKET SINDIKET PENYELUDUPAN PATI DI SELANGOR DAN  
KELANTAN DITUMPASKAN DALAM TEMPOH 24 JAM**

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) berjaya menumpaskan satu sindiket penyeludupan migran rentas sempadan yang aktif di Selangor dan Kelantan dalam operasi yang dijalankan oleh Jabatan Imigresen dalam tempoh 24 jam.

Operasi bersepadu di Selangor dijalankan secara Strategi Lautan Biru (NBOS) yang melibatkan Bahagian Perisikan, Operasi Khas dan Analisa (JIM) dan Cawangan Siasatan Jenayah Maritim, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dalam operasi yang dijalankan pada 16.03.2018, lebih kurang 12.30 pagi di sebuah rumah, Taman Permata Fardason, Kepong.

Risikan awal selama **3** hari telah dilakukan bagi mendapatkan maklumat pergerakan sindiket. Pasukan serbuan telah berjaya menangkap seramai **29** lelaki warganegara Bangladesh yang baru tiba pada hari serbuan dilakukan, manakala **2** orang lagi warganegara Bangladesh telah tiba lebih awal sebelum ini. Dipercayai migran ini baru diseludup masuk melalui lorong tikus di persisiran pantai Tanjung Sepat, Selangor dan ditempatkan di sebuah rumah flat di kawasan Kepong sehingga orang yang dibawa masuk dipindahkan ke tempat lain.

Pemeriksaan di rumah tersebut turut menahan dua **2** lelaki dan **1** wanita Warganegara Bangladesh yang dipercayai bertindak menyembunyikan dan melindungi migran-migran tersebut serta bersubahat dengan pihak sindiket. Jumlah keseluruhan tangkapan melibatkan **34** orang.

Pasukan serbuan terpaksa memecah masuk ke dalam kediaman tersebut kerana penghuni enggan membuka pintu dan sejurus pintu berjaya dibuka, migran-migran tersebut cuba melarikan diri melalui tingkap dan terdapat juga yang cuba merempuh anggota serbuan bagi tujuan loloskan diri namun pergerakan mereka telah berjaya dihalang.

Hasil pemeriksaan di kediaman tersebut menemukan pakaian-pakaian yang masih basah dan berbau minyak petrol berselerakan di atas lantai ruang tamu dan bilik, dipercayai dipakai oleh migran yang baru tiba. Mereka diarahkan oleh tekong untuk terjun dan mengharungi air separas dada sebaik sahaja tiba di lokasi pendaratan. Sebahagian migran yang tiba ditempatkan disebuah bilik kecil dengan keadaan berhimpit dan tidak dibenarkan keluar manakala telefon bimbit di rampas oleh penjaga bagi mengelakkan mereka berhubung.

Hasil siasatan awal mendapati migran - migran tersebut diuruskan oleh ejen warga Bangladesh yang dikenali sebagai 'Motti'. Sindiket ini disyaki telah beroperasi hampir setahun dan modus operasinya mempunyai persamaan dengan beberapa kes tangkapan melibatkan penyeludupan migran warganegara Bangladesh ke negara ini dengan menggunakan penerbangan dari Dhaka, Bangladesh samada transit sementara di Lapangan Terbang KLIA atau ke Singapura sebelum meneruskan penerbangan ke Medan atau Jakarta, Indonesia.

Migran kemudiannya di kumpulkan di rumah penampungan sekitar kepulauan Rupert, Indonesia sebelum dibawa masuk ke Malaysia menggunakan jalan laut. Pergerakan migran sentiasa dikawal dan tidak dibenarkan keluar daripada rumah penampungan. Tempoh keberadaan mereka di rumah penampungan tersebut di antara **5** hingga **40** hari bergantung pada perjalanan yang akan diatur oleh tekong sebelum mereka diseludup masuk ke Malaysia menggunakan bot pancung.

Mereka terpaksa membayar antara **RM 12,000** hingga **RM 20,000** kepada sindiket. Migran yang tiba di negara ini akan disimpan terlebih dahulu rumah penampungan sehingga bayaran yang dikenakan dilangsaikan sebelum diserahkan kepada ejen atau majikan.

Semakan melalui sistem JIM turut mendapati ada diantara migran yang ditangkap ini pernah mempunyai rekod senarai hitam JIM kerana kesalahan lampau. Sindiket ini juga dikenal pasti mempunyai kaitan dengan rangkaian sindiket yang telah di tumpaskan dalam satu operasi oleh JIM pada November 2016 di Kuala Selangor.

Warganegara Bangladesh juga menyatakan bahawa proses-proses '*Rehiring*' telah dijalankan di Bangladesh terlebih dahulu oleh agen-agen haram sebelum mereka dibawa masuk ke Malaysia melalui laluan yang tidak diwartakan. Semakan di Unit Rehiring, JIM Putrajaya mengesahkan bahawa permohonan-permohonan dibuat dari Bangladesh dan disyaki individu-individu yang ditangkap ditipu oleh agen-agen haram.

Sementara itu, pada masa yang sama JIM Kelantan juga telah berjaya menumpaskan satu lagi sindiket penyeludupan manusia di kawasan Tanah Merah, yang menggunakan sebuah van dipercayai dari Pulau Pinang menuju ke Kelantan bagi tujuan menghantar warganegara Myanmar ke sempadan negara untuk balik ke negara asal.

Pasukan risikan JIM Kelantan telah menghidu pergerakan tersebut dan menahan seramai **13** orang warganegara Myanmar yang terdiri dari **9** lelaki, **3** wanita dan **1** kanak-kanak perempuan. Turut ditahan **2** lelaki warganegara Malaysia yang cuba menyeludup keluar warganegara asing ini.

JIM Kelantan telah menyita sebuah kenderaan motokar jenis van yang digunakan untuk menyeludup warganegara asing bagi tujuan siasatan lanjut.

Kesemua migran yang ditahan akan disiasat di bawah Akta Imigresen 1959/63 manakala suspek-suspek yang ditahan akan disiasat di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Pindaan 2010).

JIM menyeru agar orang ramai tampil ke hadapan dan menyalurkan maklumat sekiranya dipercayai terdapat aktiviti yang menyalahi undang – undang dikawasan persekitaran mereka bagi memastikan tindakan penguatkuasaan undang – undang dapat dilakukan. JIM juga komited untuk menutup ruang dan peluang berlakunya aktiviti pencerobohan negara dan pasti akan bertindak tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba menggugat kedaulatan serta keselamatan rakyat dan negara.

#TAMAT#

**DATO' SERI HAJI MUSTAFAR BIN HAJI ALI**  
**KETUA PENGARAH IMIGRESEN**  
**MALAYSIA**